

AKTIVITI PAK-21



AKTIVITI

Kedai Kopi

- | | |
|-------|--|
| 5.2.3 | Menghuraikan kepentingan menjadi individu global |
| 5.2.6 | Mengamalkan sikap individu global dalam kehidupan harian |

Tajuk: Jom Melancong

Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menilai kepentingan menjadi individu global.
- Murid dapat menghayati dan mengamalkan sikap individu global dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.

Bahan dan Alatan

- Kertas kajang
- Pen penanda

Langkah-langkah

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
2. Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja.
3. Setiap kumpulan akan dibahagikan mengikut empat bahasa yang berbeza.
4. Setiap kumpulan hanya bercakap dalam bahasa yang telah ditetapkan.
5. Ahli yang fasih akan menunjuk ajar ahli lain tentang perkataan mudah dalam bahasa tersebut melalui lisan dan bertulis.
6. Setiap kumpulan berbincang kelebihan apabila fasih berbahasa tersebut.

AKTIVITI PAK-21



AKTIVITI

Sketsa

- 5.3.4 Meramalkan implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu
- 5.3.6 Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian

Tajuk: Rasional dalam Tindakan

Objektif Pembelajaran

- Murid dapat menganalisis tiga implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu.
- Murid dapat menghayati dan mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian secara tekal serta boleh dicontohi.

Bahan dan Alatan

- Kertas kajang
- Pen penanda

Langkah-langkah

1. Murid dibahagikan kepada enam kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan diberikan satu tajuk tentang gejala sosial
3. Setiap kumpulan diberikan masa dan melakonkan semula babak berkaitan tajuk gejala sosial yang dibincangkan.
4. Kumpulan lain menulis implikasi perbuatan yang dilakukan dalam kertas kajang.
5. Kumpulan lain menyatakan implikasi tersebut kepada keseluruhan kelas untuk memberi kesedaran.
6. Ulang langkah yang sama untuk semua kumpulan.